

UEM Edgenta Memperkukuhkan Komitmen Terhadap Tadbir Urus melalui Hari Integriti 2025 dan Pelancaran Integriti Edgenta (EIP) 2025

IPOH, 22 Oktober 2025 - UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), sebuah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka, mengukuhkan komitmennya terhadap amalan perniagaan yang beretika dan telus dengan pelancaran Pelan Integriti Edgenta (EIP) 2025 pada Hari Integriti tahunannya 2025 di Ipoh, Perak.

Dirasmikan oleh KPKPj Samsul Salip, Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), EIP mencerminkan keazaman Syarikat untuk menginstitusikan ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang teguh di semua peringkat operasinya.

KPKPj Samsul memuji UEM Edgenta berikutan penubuhan EIP 2025, menyifatkannya sebagai rangka kerja komprehensif yang sejajar dengan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS). Beliau turut menyatakan, "Inisiatif integriti seperti ini harus dilihat sebagai usaha jangka panjang yang berterusan dan bukannya langkah sementara. Saya berharap UEM Edgenta akan berdiri sebagai model teladan untuk sektor korporat Malaysia, menunjukkan bagaimana integriti dan tadbir urus boleh memacu kecemerlangan organisasi dan pembangunan negara."

YBhg. Dato' George Stewart LaBrooy, Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus dan Risiko Lembaga Pengarah (BGRC), UEM Edgenta, mengesahkan komitmen penuh Lembaga Pengarah terhadap integriti dan kecemerlangan tadbir urus, menyifatkannya sebagai "sebuah asas yang tiada tolak ansur bagi pengurusan korporat."

Dato' George menyatakan, "Pelancaran Pelan Integriti Edgenta (EIP) 2025 bukan sekadar simbolik, tetapi merupakan langkah praktikal dan berwawasan untuk mengukuhkan nilai teras FIRST kami (*Future Focused, Imagine New Ways, Respect for All, Solutioning Mindset, True to Our Word*), serta menjadikan prinsip Kepercayaan, Integriti, dan Etika sebagai tindakan yang boleh diukur di seluruh Syarikat." Beliau turut menekankan bahawa bagi organisasi yang diamanahkan dengan keyakinan masyarakat, serta memegang aset strategik dan modal insan, tadbir urus dan integriti bukan sekadar formaliti, tetapi tanggungjawab moral setiap pemimpin dan pekerja. Pengurusan akibat yang konsisten dan akauntabiliti telus amat penting bagi membina kepercayaan, mengekalkan keyakinan, dan memperkukuhkan kredibiliti Syarikat.

Dengan mengaitkan integriti dengan agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang lebih luas, Dato' George menyatakan bahawa integriti mewakili teras "G" di dalam ESG, berfungsi sebagai tulang belakang etika komitmen kemampanan UEM Edgenta.

Tema acara, "*Memperkasa Integriti, Memelihara Tadbir Urus*", bukan sekadar slogan, tetapi seruan kepada setiap pekerja untuk menegakkan kejujuran, akauntabiliti, dan etika sebagai tunjang kecemerlangan organisasi.

Dalam ucapannya, Encik Shaiful Subhan, Pegawai Bertanggungjawab UEM Edgenta, menegaskan bahawa integriti dan tadbir urus yang baik merupakan tunjang kepimpinan dan operasi Syarikat. "Memperkasa integriti bermakna memperkukuh nilai kejujuran, kepercayaan, dan tanggungjawab dalam setiap tindakan, selain memerlukan keberanian moral untuk mela Kukan perkara yang betul dan menjadikan integriti sebagai

asas dalam kawalan dalaman Syarikat. Pada masa yang sama, memelihara tadbir urus memastikan struktur pengurusan beroperasi secara telus, bertanggungjawab, dan beretika.”

Beliau seterusnya menekankan bahawa kepimpinan di UEM Edgenta mesti terus menetapkan nada dari atas dengan menunjukkan tingkah laku beretika, memperkukuh langkah pencegahan rasuah dan mengukuhkan akauntabiliti di semua peringkat organisasi dan menyeru semua kakitangan untuk menegakkan nilai teras *FIRST* UEM Edgenta dan kekal teguh dalam memperkukuh rangka kerja integriti Syarikat.

Hari Integriti 2025 UEM Edgenta anjuran Jabatan Risiko, Integriti & Pematuhan (RICD), mencerminkan komitmen berterusan Syarikat dalam memupuk budaya ketelusan, akauntabiliti, dan kelakuan beretika. Dalam ucapannya, Faizatul Farhah Ghazali, Ketua RICD, menyatakan bahawa di bawah tadbir urus jabatan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk memperkukuh integriti dan tadbir urus di seluruh organisasi, termasuk *Program Kesedaran Anti-Rasuah, Latihan dan E-Pembelajaran Konflik Kepentingan (COI) serta Pelaporan Salah Laku*, dan *Latihan Strategik untuk Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi*. Beliau turut menekankan bahawa UEM Edgenta terus bekerjasama dengan pihak berkuasa dan rakan industri bagi meningkatkan kesedaran tentang integriti melalui inisiatif bersama, sambil menegaskan bahawa integriti merupakan tanggungjawab bersama dan sebahagian daripada DNA organisasi, tersemat dalam setiap keputusan, mesyuarat, urus niaga, dan interaksi.

Sejajar komitmen ini, acara turut menampilkan sesi perkongsian ilmu bertajuk “*Nampak Bersih, Hakikatnya Kotor: Memperkasa Tadbir Urus Organisasi, Mengelak Liabiliti*”, disampaikan oleh Ps Mohd Ihsan Anuar, Superintendan Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM. Sesi ini membincangkan risiko salah laku tersembunyi di sebalik amalan yang kelihatan sah serta strategi praktikal untuk menanganinya.

Sesi tersebut disusuli dengan sebuah forum bertajuk “*Bila Kolar Putih Jadi Hitam*”, yang membincangkan kes-kes sebenar salah laku jenayah kolar putih serta pengajaran utama berkaitan pencegahan, akauntabiliti, dan pengukuhan etika. Forum ini dikendalikan oleh Encik Mustakim Ilman Mustafa, Ketua Audit Dalaman UEM Edgenta, dan menampilkan panel terdiri daripada KPKPj Samsul bin Salip, Timbalan Pengarah, Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM; Encik Aznorashiq Mohamed Zin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengawalseliaan & Penguatkuasaan), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan Encik Mohd Hasraff Hashim, Ketua Integriti & Tadbir Urus, Lembaga Tabung Haji.

Acara diakhiri dengan lafaz Ikrar Bebas Rasuah (CFP) oleh kepimpinan dan kakitangan UEM Edgenta, yang dipimpin oleh Encik Shaiful Subhan di hadapan wakil SPRM, sebagai penegasan pendirian sifar toleransi terhadap amalan rasuah.

Mesej utama Hari Integriti UEM Edgenta 2025 jelas — integriti dan tadbir urus adalah prinsip yang mesti dipatuhi tanpa kompromi. Berpandukan nilai teras *FIRST* serta prinsip Kepercayaan, Integriti, dan Etika, UEM Edgenta terus menerapkan kecemerlangan tadbir urus dalam semua aspek operasi, memperkasakan kakitangan, memperkukuh akauntabiliti, dan menjadi penanda aras bagi sektor korporat Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai UEM Edgenta, sila layari www.uemedgenta.com.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE:EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.